

▼11/12/19-44MST

CNS9192

U GB 11-12 00162 BA942

AAB

Runtuh - Laporan

PM MAHU LAPORAN KEJADIAN KONDOMINIUM RUNTUH DISIAP SEGERA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu laporan berhubung kejadian kondominium runtuh di Taman Hillview, Hulu Klang hari ini disiapkan secepat mungkin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Dr Mahathir juga mengarahkan agar semua agensi yang terbabit menyelaraskan kerja-kerja menyelamatkan mangsa-mangsa yang masih terperangkap.

"Perdana Menteri mahu tumpuan diberikan kepada usaha untuk menyelamatkan kesemua mangsa yang masih terperangkap," kata Anwar selepas mengiringi Perdana Menteri meninjau kawasan tragedi itu.

Dr Mahathir, Anwar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berada di tempat kejadian selama kira-kira 40 minit, mulai kira-kira pukul 6.20 petang.

Polis percaya kira-kira 40 orang masih terperangkap di dalam runtuhannya itu yang berlaku pukul 1.35 tengah hari. Tiga orang telah diselamatkan tidak lama selepas kejadian. -- Lagi.

▼11/12/19-54MST

CNS9199

U GB 11-12 00138 BA944

AAB

Runtuh - Laporan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Anwar berkata, Perdana Menteri ternyata sangat terkejut dan sedih dengan kejadian itu.

"Perdana Menteri mahu kerja-kerja menyelamatkan itu dijalankan terus menerus sehingga mangsa terakhir dapat dikeluarkan dari runtuhannya itu," katanya.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, sebuah jawatankuasa akan dibentuk bagi menguruskan soal kediaman mangsa-mangsa kejadian itu yang terselamat.

Sementara itu, Muhammad berkata, sebuah jawatankuasa khas peringkat negeri akan ditubuhkan bagi menyalurkan punca kejadian itu. Ia akan dikendalikan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Menurut Menteri Besar Selangor itu, jawatankuasa itu akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada agensi-agensi kerajaan pusat yang terbabit dalam penyiasatan itu.

Muhammad yang melahirkan simpati kerajaan negeri kepada mangsa-mangsa terbabit memberi jaminan kerja-kerja menyelamatkan akan diteruskan sehingga kesemua mangsa dapat dikeluarkan dari runtuhannya itu. -- Bernama.

AM KAM.

▼11/12/20-10MST